

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

GARIS PANDUAN
PELANTIKAN STAF ANTARABANGSA TERSOHOR
PROFESOR GRED VK7

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memaklumkan mengenai peraturan dan kaedah pelantikan staf antarabangsa tersohor menggunakan Skim Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Jawatan Profesor Gred VK7, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Lantikan pensyarah antarabangsa dibuat mengikut peraturan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Kaedah Pelantikan Pegawai Dalam Perkhidmatan Awam Dan Urusan-Urusan Lain Berkaitan Pelantikan:

Ceraian UP.1.1.4 Penurunan Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak Oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam;

Ceraian UP.1.1.5 Pelanjutan Had Umur Maksimum Pelantikan Secara Kontrak Bagi Pegawai Warganegara (Bukan Pesara) Dan Bukan Warganegara; dan

Ceraian UP.1.1.7 Penurunan Kuasa Melulus Kelonggaran Syarat Had Umur Maksimum Bagi Pelantikan Secara Kontrak Di Institusi Pengajian Tinggi Awam.

2.2 Penetapan gred dan gaji permulaan bagi pelantikan calon bukan warganegara hendaklah mengikut kaedah yang ditetapkan seperti di Ceraian UP.1.1.4, Para 5 (xi), Lampiran UP.1.1.4(A) iaitu seperti di Jadual 1.

Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam Ceraian ini hendaklah mendapatkan pertimbangan dan kelulusan **Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA)**.

Jadual 1: penetapan gaji dan gred lantikan Profesor VK7

Kriteria Penetapan Gred	Gaji & Elaun (Minimum Profesor VK7)	
1. memiliki kelayakan akademik minimum berdasarkan skim perkhidmatan; dan	Gaji pokok	7,676.00
2. mempunyai pengalaman relevan selepas memenuhi syarat (a) di atas:	ITK	2,500.00
(i) pengalaman sekurang-kurangnya 15 tahun; atau	ITP	1,300.00
(ii) pengalaman antara 12 hingga 14 tahun bagi calon dalam bidang kritikal.	ITJ	1,000.00
	Pembantu Rumah	500.00
	Selenggara Rumah	166.66
	Jumlah	RM13,142.66

2.3 Tujuan utama pelantikan jawatan staf antarabangsa tersohor adalah seperti berikut:

- 2.3.1 Meningkatkan kualiti penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi di UPSI.
- 2.3.2 Membantu meningkatkan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran di UPSI di semua peringkat Pengajian.
 - i. sanjungan;
 - ii. menjadi pakar rujuk dalam bidang;
 - iii. menyampaikan ucap utama dan syarahan profesor; dan
 - iv. membuat penilaian jurnal berindeks.

2.4 Kelulusan

- 2.4.1 Minit Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-149 Bil. 1/2024 bertarikh 22 Februari 2024;
- 2.4.2 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) UPSI Kali ke-95 Bil. 3/2023 bertarikh 6 November 2023, Kertas 6/3/2023; dan
- 2.4.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 10/2023 bertarikh 24 Julai 2023.

3.0 PERATURAN DAN KRITERIA PELANTIKAN

- 3.1 Peraturan dan kriteria pelantikan ke jawatan staf antarabangsa tersohor, Profesor Gred VK7 adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Huraian
1.	Kepakaran Bidang : Penerbitan	Sekurang-kurangnya mempunyai 100 penerbitan dimana 30% adalah ISI / Scopus dan 50% sebagai Penulis Utama @ 10% lebih tinggi pencapaian daripada pakar bidang sedia ada di UPSI; dan Menjadi editor jurnal antarabangsa.
2.	Kepakaran Bidang: Penyelidikan	Sekurang-kurangnya mempunyai Geran penyelidikan dengan nilai USD1,000,000.00 .
3.	Kepakaran Bidang: Perundingan / Pengkomersialan	Mempunyai perundingan / pengkomersialan sekurang-kurangnya USD500,000.00.
4.	Pengalaman yang relevan	Sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman di jawatan Profesor.
5.	Peruntukan	Peruntukan kod 29000 (peruntukan tahunan lantikan kontrak staf akademik) dan akaun amanah PTJ berkaitan.
6.	Pengesahan	i Jawatankuasa Carian Peringkat Universiti ii Jawatankuasa Kesepakaran pelantikan dan pelanjutan kontrak

Bil.	Perkara	Huraian
		Universiti (sediada) bagi pengesahan Bidang Ketersohoran selepas diperakukan oleh fakulti.
7.	Tempoh Lantikan	1 hingga 3 tahun
8.	Panel Jawatankuasa Pemilih (Temu duga)	JKP adalah mengikut statut Universiti yang sedang berkuatkuasa.
9.	Kemudahan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tambang perjalanan (pergi dan balik) tertakluk kepada maksimum tambang penerbangan kelas perniagaan mengikut perjalanan yang paling dekat antara negara domisil dengan Kuala Lumpur; 2. Penginapan (kerja luar rasmi) : Kadar sebenar 3. Pengangkutan: Kenderaan UPSI atau tuntutan perjalanan rasmi (tuntutan kelas A) 4. Kapal Terbang : Kelas Perniagaan 5. Perubatan: Kemudahan Pusat Kesihatan Universiti sahaja; 6. Kediaman di Scholar's Suites/ Blok Antarabangsa; 7. Kenderaan rasmi Universiti; 8. Calon dan keluarga perlu mencarum insuran perubatan.
10.	Keberadaan di UPSI	Calon perlu berada di UPSI sepanjang tempoh lantikan.
11.	Pengecualian	Jawatankuasa Carian Peringkat Universiti boleh mempertimbangkan pelantikan bagi calon-calon yang tidak memenuhi kesemua kriteria sekiranya calon mempunyai keistimewaan khusus dan terkemuka mutunya.

4.0 KAE DAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

4.1.2 Penetapan gaji permulaan dan elaun adalah berdasarkan kepada tempoh pengalaman calon di jawatan profesor iaitu seperti berikut:

Calon yang mempunyai pengalaman 7 tahun sebagai profesor	Tambahan gaji bagi setiap 1 tahun pengalaman sebagai Profesor																
Gaji & Elaun Pemberian 10 KGT dan elaun tambahan (top-up)																	
Gaji pokok VK7 (minimum) = RM7,676.00 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT): 9% <table border="1"><tbody><tr><td>Gaji pokok</td><td>14,584.40</td></tr><tr><td>ITK</td><td>2,500.00</td></tr><tr><td>ITP</td><td>1,300.00</td></tr><tr><td>ITJ</td><td>1,000.00</td></tr><tr><td>Pembantu Rumah</td><td>500.00</td></tr><tr><td>Selenggara Rumah</td><td>166.66</td></tr><tr><td>Elaun ekspatriat</td><td>10,000.00</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>RM30,051.06</td></tr></tbody></table>	Gaji pokok	14,584.40	ITK	2,500.00	ITP	1,300.00	ITJ	1,000.00	Pembantu Rumah	500.00	Selenggara Rumah	166.66	Elaun ekspatriat	10,000.00	Jumlah	RM30,051.06	Tambahan KGT untuk satu (1) tahun pengalaman Maksimum: RM20,592.00
Gaji pokok	14,584.40																
ITK	2,500.00																
ITP	1,300.00																
ITJ	1,000.00																
Pembantu Rumah	500.00																
Selenggara Rumah	166.66																
Elaun ekspatriat	10,000.00																
Jumlah	RM30,051.06																

5.0 TANGGUNGJAWAB KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj)

- 5.1 Dalam tempoh perkhidmatan penyandang, ketua PTj hendaklah bertanggungjawab dalam perkara-perkara berikut:
- Menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dicapai oleh penyandang;
 - Memantau tahap prestasi, kompetensi, tatakelakuan serta kehadiran;
 - Mengemaskini rekod perkhidmatan penyandang contohnya cuti rehat, cuti sakit dan lain-lain yang memberi kesan kepada perkhidmatan pegawai; dan
 - Memastikan pegawai tidak mengabaikan tanggungjawab untuk melunaskan hutang dengan universiti sebelum meninggalkan perkhidmatan.

- 5.2 Tatacara dan borang permohonan - **Lampiran A**
- 5.3 Borang permohonan skim perkhidmatan - **BSM/SM1/24** (sila cetak di atas **kertas berwarna biru**)

6.0 TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Garis panduan ini berkuatkuasa mulai **16 JULAI 2024**.

LAMPIRAN A**TATACARA PERMOHONAN PELANTIKAN JAWATAN
STAF ANTARABANGSA TERSOHOR
PROFESOR GRED VK7**

Bil.	Proses Kerja	Tanggungjawab
1.	Mengemukakan permohonan dengan mengisi borang permohonan pelantikan jawatan Staf Antarabangsa Tersohor Profesor Gred VK7	Pusat Tanggungjawab
2.	Menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) permohonan	Pusat Tanggungjawab
3.	Memanjangkan borang permohonan kepada BSM	Pusat Tanggungjawab
4.	Menyemak borang permohonan dan menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran pelantikan dan pelanjutan kontrak Universiti	BSM
5.	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Carian Peringkat Universiti. Menjalankan sesi temu duga (sekiranya perlu)	BSM
6.	Menyediakan kertas kelulusan Lembaga Pengarah Universiti	BSM
7.	Menyediakan surat tawaran sekiranya diperakuan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti	BSM
8.	Memajukan dokumen permohonan kepada Pusat Antarabangsa dan Mobiliti bagi urusan Visa, tiket penerbangan dan penginapan	BSM
9.	Proses permohonan visa dan urusan kedatangan ke Malaysia (tiket penerbangan, penginapan, jemput di lapangan terbang dan lain-lain kemudahan serta kebajikan staf)	IMC
10.	Staf Lapor Diri	BSM